

**SOALAN NO : 13**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]**

**TARIKH : 26 Mac 2018 (Isnin)**

**SOALAN : Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]  
minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI menyatakan :-**

- a) berapakah nilai import dan eksport bagi susu dan  
produk tenusu pada tahun 2017; dan**
  
- b) apakah strategi Kementerian bagi mengurangkan  
tahap kebergantungan negara terhadap produk  
tenusu yang diimport selaras dengan hasrat  
membudayakan rakyat negara ini meminum susu  
segar terutamanya kanak-kanak generasi  
Transformasi Nasional 2050 (TN50).**

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nilai import susu dan produk tenusu pada tahun 2017 adalah RM3.9 bilion manakala nilai eksport adalah RM1.32 bilion.
- b) Antara usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengurangkan kebergantungan terhadap import produk tenusu adalah dengan memperkenalkan **Program Pembangunan Industri Tenusu** yang merangkumi pembangunan industri di sepanjang rantai nilai.

Sebagai permulaan, **projek rintis pembangunan industri tenusu telah dilaksanakan pada tahun 2017 di Lembah Tenusu** yang merangkumi Daerah Pekan, Muadzam dan Rompin, Pahang; dan Segamat, Johor. Pelaksanaan projek rintis ini akan melibatkan lima komponen utama iaitu:

- (i) **Program pembiakbakaan baka tempatan** yang bertujuan untuk meningkatkan populasi baka yang berkualiti dari nukleus Mafriwal;
- (ii) **Program transformasi usahawan berskala besar** melalui pertambahan 500 ekor lembu tenusu bagi setiap usahawan, serta kemudahan peralatan tenusu yang bersesuaian. Kaedah pembiayaan adalah secara 70:30 (Usahawan:Kerajaan);

- 13
- (iii) **Program transformasi penternak kecil** melalui pertambahan 10 ekor lembu tenusu kepada penternak kecil, dan peralatan tenusu yang bersesuaian. Kaedah pembiayaan secara secara 30:70 (Penternak:Kerajaan);
  - (iv) **Program peningkatan kualiti susu segar tempatan** yang melibatkan aktiviti pengukuhan system rantai sejuk dan peningkatan standard untuk pengujian kualiti susu segar yang dihantar ke kilang pemprosesan; dan
  - (v) **Program pembangunan tanaman rumput napier** yang mensasarkan pembangunan kawasan seluas 230 hektar, dalam radius 50km dari kawasan penternakan lembu tenusu.

Kerajaan juga telah bersetuju dengan cadangan penubuhan **Lembaga Tenusu dan Ruminan Negara** yang berperanan untuk mengawalselia industri tenusu dan pedaging melalui aspek perancangan, penyelaras, khidmat nasihat, pemasaran dan keperluan lain ke arah memenuhi permintaan domestik untuk susu dan daging serta membantu meningkatkan tahap ekonomi golongan penternak ruminan. Lembaga ini juga berperanan dalam program promosi dan galakan budaya minum susu terutama di kalangan kanak-kanak selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melahirkan generasi TN50 yang sihat fizikal dan mental dengan kerjasama Kementerian dan Agensi berkaitan.